

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL

Putrajaya: Masih ditahap membimbangkan apabila sebanyak 4,334 kes baharu Covid-19 dilaporkan kelmarin menjadikan jumlah keseluruhan jangkitan Covid-19 kini adalah 4,732,502 kes.

Kes baharu yang dilaporkan itu membabitkan 4,328 kes penularan tempatan dengan enam lagi adalah import yang mendapat jang-

10 lagi kematian dilapor termasuk satu BID

kitan dari luar negara.

Setakat ini, terdapat sebanyak 44,617 kes aktif dengan kebolehjangkitan Covid-19 ada di negara ini. Daripada jumlah berkenaan 96.2 peratus bersamaan 42,926 kes sedang menjalani kuarantin wajib di rumah.

Selain itu, sejumlah 1,595 kes (3.6 peratus) sedang mendapatkan rawatan di hospital, Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (28 kes), Unit Rawatan Rapi (ICU) (68) dan 44 kes daripada jumlah itu memerlukan alat bantuan pernafasan.

Sehingga kini kadar penggunaan ICU di seluruh negara berada di tahap 58.5 peratus dan kes Covid-19 merangkumi 18.2 peratus, setakat kelmarin.

Bagi kes korban akibat jangkitan berkenaan, sejumlah 10 kes dilaporkan dan

satu daripadanya meninggal dunia di luar fasiliti kesihatan (BID).

Perkembangan itu menjadikan sehingga kini jumlah kes kematian yang dilaporkan akibat jangkitan itu kini sudah mencecah 36,080 kes dan 7,669 kes daripada ke-

seluruhan korban adalah individu yang meninggal dunia sebelum bantuan perubatan dapat diberikan.

Mengenai kes sembuh di negara ini, setakat kelmarin sebanyak 5,082 dilaporkan sekaligus menjadikan jumlah keseluruhan individu yang pulih daripada virus berkenaan adalah sebanyak 4,651,805 kes.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 30

RUANGAN : NASIONAL

Rokok antara punca mata buta

Pada 27 Julai lepas, Rang Undang-undang (RUU) Generasi Penamat (GEG) dibentangkan di Parlimen oleh Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar dan dipersetujui oleh Dewan Rakyat untuk dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas (JPK) bagi memperhalusi dan menambah baik usul tersebut.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dilihat mendapat tekanan hebat termasuk daripada kalangan ahli Parlimen sendiri dalam meluluskan RUU itu. Langkah KKM membentangkan usul ini seharusnya disokong oleh segenap lapisan masyarakat.

Dari aspek kesihatan penglihatan, rokok merupakan antara punca kebutaan di mana penglihatan berisiko untuk hilang disebabkan pelbagai penyakit mata berkait rokok yang dihadapi. Kesan kepada tahap penglihatan akibat merokok menjadi cabaran kepada pakar mata di mana rawatan yang diberikan bertambah rumit dan kompleks.

Kos merawat penyakit-penyakit tersebut juga menelan belanja yang besar, sedangkan ia boleh dicegah dari awal jika ada kehendak pimpinan yang kuat serta inginkan tahap kesihatan penglihatan yang optimum pada rakyat.

Kesihatan mata dan tahap penglihatan yang terang adalah

sangat utama bagi memastikan kita dapat bergerak cergas. Pada ketika ini, Bancian Mata Kebangsaan Kedua (2014) menyatakan kadar kebutaan dalam kalangan masyarakat berumur 50 tahun ke atas di Malaysia adalah sebanyak 1.2 peratus di mana majoriti kes adalah disebabkan katarak (58 peratus), diikuti pula diabetik retinopati (10 peratus) serta lain-lain penyakit.

Rokok merupakan antara faktor yang menyumbang secara langsung atau tidak langsung kepada penyakit-penyakit mata tersebut. Di samping itu, perokok juga berisiko mengalami strok mata (*ocular ischemia*), kemerosotan makula (*age-related macula degeneration*), dan penyakit tiroid mata (*graves ophthalmopathy*).

Terdapat juga laporan-laporan kes di mana rokok berisiko menjeruskan seseorang itu menghidap penyakit glaukoma, kanser mata, juling serta mata malas. Kanta pada mata kita boleh terdedah kepada kesan *oksidatif* yang berpunca daripada merokok di mana fungsi kanta menyahkan bahan *oksidatif* berkurangan lalu menjeruskan perokok kepada penyakit katarak.

Bahan logam berat dalam rokok seperti kadmlum, plumbum dan kuprum juga boleh terdapat di dalam kanta dan merubah ia menjadi struktur yang



toksik. Merokok juga boleh menyebabkan sel-sel darah menjadi lebih pekat, lalu pembuluh darah berisiko untuk tersumbat.

Hal ini dirumitkan lagi dengan kesan bahan kandungan nikotin di dalam rokok yang boleh mengecutkan saluran darah lantas merencatkan pengaliran darah ke mata. Kepekatan karbon monoksida dalam darah juga turut mengurangkan kapasiti sel darah merah dalam membawa oksigen ke arah mata. Pembuluh darah juga lebih mudah rosak dan keras (*atherosclerosis*) jika seorang perokok itu turut menghidapi penyakit kolesterol.

Faktor-faktor ini seterusnya menyumbang kepada keadaan mata yang hipoksia lalu strok boleh terjadi pada urat saraf mata (*ischemic optic neuropathy*) dan juga salur darah mata (*retinal vascular occlusion*). Masalah aliran pada salur darah koroid (*choroidal vessel*), ditambah pula dengan kehadiran bahan-bahan *oksidatif* akibat merokok turut menjejaskan fungsi pusat peka cahaya pada mata iaitu makula.

Makula lantas boleh merosot

“Kesan jangka panjang dari sudut ekonomi dan pembangunan bakal ditanggung oleh negara jika perkara ini dibiarkan tanpa ada kaedah pencegahan yang tuntas iaitu dengan menghindari bahaya rokok.”

terutamanya pada mereka yang agak berusia, lantas pesakit berisiko untuk buta. Keadaan ini dipanggil *age-related macula degeneration* di mana kos rawatan yang terbeban adalah tinggi kerana pesakit perlu menerima ubat suntikan mata yang mahal harganya.

Bagi mereka yang menghidap penyakit tiroid mata, merokok boleh menjadikan keadaan bertambah parah serta merencatkan kadar pemulihan serta membantutkan rawatan yang diberi. Ini berikutan perubahan terhadap hormon tiroid yang terjejas secara langsung akibat bahan kandungannya dalam rokok, lalu menyebabkan keadangan dan kecederaan kepada otot-otot mata.

Jika keadaan berterusan, penghidap penyakit ini berisiko mengalami kerosakan pada urat saraf mata, glaukoma, serta ulser pada kornea. Kesemua penyakit-penyakit tersebut mampu merosotkan tahap ketajaman penglihatan seseorang, lantas menghadkan jarak penglihatan

mereka atau lebih teruk lagi membutuhkan langsung mata mereka.

Kesan jangka panjang dari sudut ekonomi dan pembangunan bakal ditanggung oleh negara jika perkara ini dibiarkan tanpa ada kaedah pencegahan yang tuntas iaitu dengan menghindari bahaya rokok.

Justeru itu, semua pihak daripada peringkat akar umbi hingga ke pucuk pimpinan kerajaan perlu memainkan peranan serta berganding bahu bagi memastikan RUU ini diluluskan pada akhirnya. Kita berharap agar generasi hari ini serta yang akan datang dapat berfungsi secara optimum dan terus menyumbang kemahiran mereka di samping dapat menjalani kehidupan seharian dengan lebih terurus dengan adanya tahap penglihatan yang baik.

**Dr Syamil Salmi merupakan Pakar Oftalmologi Aktifis Ikatan Pengamal Perubatan & Kesihatan Muslim Malaysia (I-Medik)*

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS / NATION

5,082 RECOVERED CASES

4,334 new Covid-19 cases, Klang Valley tops list

KUALA LUMPUR: More than half of the 4,334 Covid-19 daily infections were detected in the Klang Valley and Selangor on Saturday, the CovidNow portal revealed yesterday.

It said the 1,830 cases were logged in Selangor, 829 in Kuala Lumpur and 104 in Putrajaya. This brings the cumulative caseload to 4,732,502.

Data showed that 4,328 cases from Saturday were domestic transmissions and the remaining six were imported.

There are 44,617 active Covid-19 cases nationwide and of that, 96.2 per cent, or 42,926 cases, are observing the mandatory home quarantine.

There are 1,595 cases, or 3.6 per cent of active Covid-19 cases, receiving treatment in hospitals, 28 cases are at Covid-19 Quarantine and Treatment Centres, 68 cases in Intensive Care Units and 44 cases require ventilation.

Up to Saturday, the ICU utilisation rate across the country is at 58.5 per cent, with 18.2 per

cent of them being Covid-19 patients.

Four deaths were recorded on Saturday, including one brought-in-dead case.

This brings the total number of deaths due to the Covid-19 pandemic to 36,080 cases, with 7,669 patients dying before they were able to get medical help.

The CovidNow portal also revealed that 5,082 Covid-19 patients have fully recovered, bringing the total recovery to 4,651,805 cases.